



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

16 April 2022

#### IFTAR KUMPULAN YAYASAN SABAH DI MASJID NUR EL-NIZAM SANDAKAN

**SANDAKAN (Sabtu):** Kumpulan Yayasan Sabah telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bertempat di Masjid Nur El-Nizam, Sungai Kayu, Sandakan pada 14 April 2022. Antara yang hadir ke majlis tersebut, Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N.52 Sungai Sibuga, Tuan Haji Mohamad Hamsan Haji Awang Supain dan Timbalan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sam Mannan.

Dalam ucapannya, Tuan Haji Mohamad Hamsan menzahirkan penghargaan beliau kepada Kumpulan Yayasan Sabah kerana memilih Masjid Nur El-Nizam sebagai tapak penganjuran program tersebut.

"Saya amat berbesar hati kerana dijemput hadir ke majlis Iftar pada hari ini, demi merasai keakraban antara komuniti kami dan Kumpulan Yayasan Sabah. Ramadan juga merupakan masa yang terbaik untuk bertemu dengan sanak keluarga dan taulan untuk berinteraksi dan memupuk perasaan hormat demi kemajuan dan kemakmuran rakyat Sabah," katanya.

"Kita mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Yayasan Sabah kerana menjayakan program ini di samping memperbaharui ikatan silaturahim dan kerjasama yang telah lama terjalin antara kita dan Kumpulan Yayasan Sabah selama ini," tambah beliau.

Majlis tersebut turut menyaksikan Kumpulan Yayasan Sabah menyumbangkan wang tunai kepada 20 orang anak yatim Kg. Sungai Kayu serta dana pembangunan Masjid Nur El-Nizam.

Majlis yang dihadiri kira-kira 150 orang sekitar Kg. Sungai Kayu tersebut dimulakan dengan sesi berbuka puasa sebelum menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih.

Program Berbuka Puasa merupakan acara tetap dalam kalendar tahunan Kumpulan Yayasan Sabah dalam mengutamakan kebajikan golongan yang kurang bernasib baik, menyediakan bahan makanan dan minuman kepada golongan yang memerlukan di samping memupuk semangat persaudaraan dan persahabatan antara Kumpulan Yayasan Sabah dan masyarakat setempat.



**Gambar 1:** Datuk Sam (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan wang Kumpulan Yayasan Sabah kepada Pengerusi Masjid Nur El-Nizam, Encik Mohd Ariffin bin Haji Nasri sambil disaksikan oleh Tuan Haji Mohamad Hamsan (kanan).



**Gambar 2:** Tuan Haji Mohamad Hamsan (dua dari kanan) mengagihkan duit Raya sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah kepada golongan anak yatim sambil disaksikan oleh Datuk Sam (tiga dari kanan.)



**Gambar 3:** Masyarakat Kg. Sungai Kayu berbuka puasa bersama Tuan Haji Mohamad Hamsan dan staf Kumpulan Yayasan Sabah.



**Gambar 4:** Tuan Haji Mohamad Hamsan dan Kumpulan Yayasan Sabah melakukan solat Tarawih.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel. : 088-326448  
Faks : 088-421526/088-326424  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com